

11 JAN 1998

KOMITMEN SUKARELAWAN SALAM BELUM MEMUASKAN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Sukarelawan Yayasan Salam Malaysia (Salam), organisasi khidmat sosial yang ditubuhkan enam bulan lepas, belum menunjukkan komitmen sewajarnya apabila diminta menyertai program khidmat sosial yang dijalankan organisasi itu.

Antara alasan yang biasa dikemukakan para sukarelawan untuk mengecualikan diri mereka daripada program yang dianjurkan termasuk waktu kerja yang bertindih dengan masa program dijalankan selain mendakwa mempunyai urusan keluarga.

"Mahu atau tidak menyertai program yang dianjurkan sebenarnya bergantung kepada setiap individu. Ada sukarelawan yang sibuk dengan kerja sebagai pensyarah dan ahli perniagaan tetapi masih dapat meluangkan masa mereka," kata eksekutif projek Salam, Nooraini Khaironi selepas majlis ceramah motivasi untuk penghuni Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (Rachtar) di sini, hari ini.

Nooraini berkata bagi projek motivasi yang dijalankan hari ini, hanya tujuh sukarelawan yang hadir walaupun lebih 30 sukarelawan yang tinggal berhampiran dijemput. Daripada tujuh sukarelawan, hanya empat yang memberi komitmen untuk meneruskan projek motivasi itu.

"Bagaimanapun kita tetap anggap ini suatu kejayaan...bukan mudah untuk mengumpulkan sukarelawan yang boleh berkhidmat secara separuh masa," katanya.

Menurut beliau, Salam yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Julai lepas kini mempunyai lebih 2,400 sukarelawan dan 40 daripadanya sedang berkhidmat sepenuh masa.

Rachtar yang ditubuhkan pada tahun 1990 kini menempatkan 44 penghuni yang terdiri daripada anak yatim dan kanak-kanak bermasalah. -- BERNAMA

HJ PR